# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

*ORGANIZATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)*

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

# JKKP 2020-2024

**HAK CIPTA TERPELIHARA**

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia terlebih dahulu.

ISBN 978-967-16706-9-9

9 789671 670699

Diterbitkan oleh:
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
Aras 1,3,4 & 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA

Cetakan Pertama 2020

# Kandungan

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

PENYATAAN KOMITMEN

| | | |
|---|---|---|
| **BAB 1** | Pengenalan | 9 |
| | Latar Belakang | 9 |
| | Fungsi Dan Peranan | 11 |
| | Visi, Misi Dan Objektif Jabatan | 12 |
| | Dasar Antirasuah JKKP | 13 |
| **BAB 2** | Isu Dan Cabaran | 17 |
| | Senario Rasuah Dan Salah Laku | 19 |
| | Analisis Persekitaran Dan Penilaian Risiko | 24 |
| | Punca Rasuah Dan Salah Laku | 27 |
| | Bidang Keutamaan Yang Berisiko | 29 |
| **BAB 3** | Keperluan Pembangunan | 35 |
| | Kerangka OACP | 37 |
| | Huraian Kerangka | 39 |
| | Matlamat | 40 |
| | Strategi Dan Objektif Strategik | 41 |
| | Analisis Kuadran | 43 |
| **BAB 4** | Pelan Tindakan Dan Inisiatif | 47 |
| **BAB 5** | Tadbir Urus | 55 |
| | Mekanisme Pelaporan | 57 |
| | Mekanisme Pemantauan | 57 |
| | Mekanisme Penilaian | 57 |
| | Penilaian Prestasi Inisiatif | 58 |
| **BAB 6** | Kesimpulan Dan Penghargaan | 63 |

## *Mutiara Kata Integriti:*

*Integriti adalah amalan bersikap jujur dan menunjukkan kepatuhan yang konsisten dan tanpa kompromi terhadap prinsip dan nilai moral serta etika yang kuat – Oxford Living Dictionary*

*Integrity: Doing the Right Thing for the Right Reason - McGill-Queen's University Press*

*Integrity is choosing your thoughts and actions based on values rather than personal gain*

*Speak with honesty, Think with sincerity, Act with integrity*

# *Perutusan Ketua Pengarah*



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) merupakan sebuah jabatan yang menjalankan fungsi utama penetapan piawaian, penguatkuasaan dan promosi dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi memastikan semua rakyat Malaysia terutama pekerja mencapai taraf KKP yang berkualiti di tempat kerja.

Berdasarkan matlamat tersebut, JKKP sentiasa progresif dalam melaksanakan Penguatkuasaan KKP berteraskan kepada prinsip penguatkuasaan tegas dan bebas rasuah.

Pelan Antirasuah JKKP 2020-2024 atau *Organizational Anti Corruption* Plan (OACP) yang dibangunkan ini bertujuan untuk memantapkan aspek integriti dan kualiti penyampaian perkhidmatan agar semua warga JKKP menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah sistem penyampaian perkhidmatan JKKP yang lebih cemerlang. Konteks dan risiko rasuah adalah dikenal pasti daripada *Corruption Risk Management* (CRM) berdasarkan skop tugas dan bidang utama JKKP yang perlu diberi penekanan dan perhatian.

Selari dengan hasrat tersebut, JKKP turut membangunkan Sistem Pengurusan Antirasuah atau *Anti Bribery Management System* (MS ISO 37001:2016) ABMS yang mengandungi inisiatif-inisiatif dalam membendung salah laku dan rasuah seperti berikut:

- Dasar Antirasuah
- Dasar Tidak Menerima dan Memberi Hadiah
- Prosedur Pemberian dan Penerimaan Hadiah
- Prosedur Pengurusan Pengaruh Luar dan dan Surat Sokongan
- Prosedur Pengurusan Konflik Kepentingan
- Prosedur Pengurusan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar *(Whistle-blower)* dan Siasatan

Inisiatif-inisiatif yang diwujudkan adalah sebagai benteng kepada warga JKKP untuk sentiasa bersedia dalam berdepan dengan cabaran-cabaran yang datang daripada pelbagai sudut. Oleh yang demikian, besar harapan saya agar segala pelan tindakan dan inisiatif OACP JKKP ini dilaksanakan dengan kerjasama sepenuhnya daripada semua warga dalam usaha pencegahan rasuah dan pembudayaan integriti di kalangan warga JKKP demi penyampaian perkhidmatan yang berteraskan integriti, akauntabiliti dan cekap.

Marilah kita bersama-sama mempersiapkan diri dan menggiatkan usaha bagi membendung gejala rasuah dan salah laku demi melonjakkan lagi imej JKKP sebagai sebuah agensi penguatkuasaan KKP yang unggul.

*Sekian, terima kasih.*

**Ir ZAILEE BIN DOLLAH**
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

## *Penyataan Komitmen*

Selaras dengan kehendak kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP), Pelan Antirasuah (OACP) JKKP 2020-2024 atau OACP JKKP ini telah dibangunkan berdasarkan inisiatif mandatori di bawah Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan dalam sektor awam.

OACP JKKP dibangunkan secara komprehensif dengan mengambil kira semua bidang keutamaan JKKP yang merangkumi aktiviti-aktiviti utama Jabatan bagi menangani permasalahan dan mengatasi kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Semua warga kerja JKKP beriltizam serta komited untuk merealisasikan pelan tindakan dan inisiatif yang digariskan di dalam OACP JKKP demi mewujudkan ekosistem organisasi yang lebih telus dan berintegriti ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap.

# BAB 01

**Pengenalan**

**Latar Belakang**

**Fungsi dan Peranan**

**Visi, Misi dan Objektif Jabatan**

**Dasar Antirasuah JKKP**

## PENGENALAN

Pelan Antirasuah (OACP) JKKP 2020-2024 atau OACP JKKP dibangunkan sebagai salah satu usaha JKKP dalam melaksanakan inisiatif untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti di kalangan warga JKKP yang merangkumi aspek tadbir urus, integriti dan antirasuah yang melibatkan bidang dan aktiviti Jabatan yang telah dikenal pasti berdasarkan keutamaan. Pelbagai inisiatif dan penambahbaikan berterusan khususnya melibatkan prosedur kerja dan tadbir urus Jabatan telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak pengurusan dan Jabatan secara keseluruhannya.OACP ini akan menjadi satu komitmen warga JKKP ke arah membentuk budaya kerja berintegriti dan bebas rasuah.

## LATAR BELAKANG

JKKP merupakan sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan pelbagai sektor.

### AKTIVITI PEKERJAAN MENGIKUT SEKTOR

- Pengilangan
- Perlombongan dan Pengkuarian
- Pembinaan
- Hotel dan Restoran
- Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
- Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun
- Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi
- Kemudahan Gas, elektrik, Air dan Perkhidmatan Kebersihan
- Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan
- Perniagaan Borong dan Runcit

Sejarah keselamatan pekerjaan sebenarnya telah bermula pada era perlombongan biji timah yang mana kaedah konvensional yang digunakan untuk melombong biji timah telah ditukar kepada penggunaan jentera yang melibatkan penggunaan jentera kapal korek, enjin stim, hidraulik dan sebagainya oleh Pemerintah British pada ketika itu. Perkembangan aktiviti ekonomi Tanah Melayu yang positif pada masa tersebut, menyebabkan banyak jentera dan pepasangan digunakan semasa bekerja di industri selain daripada lombong bijih. Penggunaan jentera berkenaan boleh memberi risiko dan mendatangkan mudarat kepada para pekerja sekiranya tidak dikendali dan disenggara dengan baik. Oleh yang demikian, Kerajaan pada masa itu telah menggubal satu perundangan baru dengan memasukkan elemen keselamatan bagi beberapa jentera dan pepasangan iaitu *The Machinery Enactment 1913.*

Aspek keselamatan dan kesihatan pekerja dan industri mula diberi perhatian apabila penguatkuasaan ke atas aspek keselamatan pekerja dijalankan kerana terdapat jentera yang boleh menyebabkan bahaya kepada pekerja dan orang awam. Bagi menjalankan pemeriksaan di bawah enakmen berkenaan, Ketua Setiausaha kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu iaitu Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu telah melantik pemeriksa jentera *(Inspector of Machinery)* atau juga disebut sebagai Merinyu Pesawat.

Pemeriksa atau Merinyu Pesawat, Penolong Pemeriksa, Ketua Pemeriksa atau Ketua Pemeriksa Jentera dan *Overseer Inspectors of Machinery* merupakan penjawat awam dan bekerja dengan Kerajaan di bawah Jabatan Perlombongan. Selaras dengan perkembangan skop pemeriksaan jentera yang telah diperluas, Kerajaan ketika itu telah membuat keputusan agar Unit Pemeriksa Jentera di bawah Pejabat Perlombongan dipisahkan dan membentuk satu entiti baru yang dinamakan Pejabat Kejenteraan *(The Machinery Department)* pada tahun 1950-an yang diletakkan di bawah portfolio Ahli kepada Perindustrian dan Perhubungan Sosial. Apabila Sistem Kementerian diperkenalkan maka pejabat berkenaan diletakkan di bawah Kementerian Buruh dan Kebajikan Sosial yang kemudiannya ditukar nama kepada Kementerian Buruh yang kini Kementerian Sumber Manusia.

Pada tahun 1970, Jabatan ini ditukar namanya kepada Jabatan Kilang dan Jentera apabila Akta Kilang dan Jentera, 1967 mula dikuatkuasakan. Pada tahun 1994, nama Jabatan ini sekali lagi ditukar kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan selaras dengan pewartaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Justeru, peranan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia telah bermula sejak 120 tahun yang lalu, iaitu pada akhir abad ke-19. Bermula dengan keselamatan dandang dan kemudiannya keselamatan jentera, diikuti dengan keselamatan industri, keselamatan dan kesihatan industri dan seterusnya meliputi aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang merangkumi semua bidang pekerjaan.



## FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi utama JKKP dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara adalah memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja adalah seperti berikut:

### FUNGSI UTAMA JKKP

- Menjalankan kajian, penyelidikan, pembangunan dan analisis teknikal ke atas isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang wujud di tempat-tempat kerja
- Memberi khidmat nasihat dan maklumat kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta berkaitan aspek-aspek pengurusan dan teknikal yang ada berhubung kait dengan keselamatan dan kesihatan
- Menjadi urus setia untuk Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Menjalankan program-program galakan dan publisiti kepada majikan, pekerja dan orang awam untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- Menguatkuasakan undang-undang berikut:

  Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya

  Akta Kilang dan Jentera 1967 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

  Sebahagian daripada Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya

## VISI

"Menjadi Peneraju Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan"

## MISI

"Memastikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Terjamin"

## NILAI KORPORAT JKKP

"Tegas, Adil dan Mesra"

## OBJEKTIF

Mencegah kemalangan industri dan penyakit pekerjaan menjelang tahun 2025 seperti berikut:

- Pengurangan kadar kematian 2.93/100,000 pekerja;
- Pengurangan kadar kemalangan 2.13/1000 pekerja; dan
- Peningkatan pelaporan penyakit & keracunan pekerjaan 30%



# DASAR ANTIRASUAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

## DASAR ANTI RASUAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) komited dalam melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah kepada semua warga JKKP dan Pihak Berkepentingan ke arah pencapaian perkhidmatan yang cekap dan berintegriti.

JKKP tidak akan bertoleransi terhadap semua bentuk rasuah dan komited untuk:-

a) Memerangi rasuah dan mengekalkan persekitaran kerja bebas rasuah bagi semua warga dan pihak berkepentingan;
b) Memenuhi keperluan perlaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016;
c) Menegakkan dan mematuhi undang-undang anti rasuah yang berkaitan seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, Kanun Keseksaan, dan lain-lain peraturan dan arahan yang berkaitan;
d) Menyediakan program untuk menetapkan, menyemak dan mengukur pencapaian objektif ABMS.
e) Menyediakan saluran bagi menggalakkan pelaporan berkenaan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) dan melindungi identiti pemberi maklumat;
f) Menggalakkan supaya sebarang pemberian, permintaan dan penerimaan, rasuah kepada/daripada warga JKKP oleh mana-mana orang dilaporkan kepada Unit Yang Bertanggungjawab.
g) Memastikan penilaian semula dan penambahbaikan ABMS dilaksanakan secara berterusan;
h) Unit Yang Bertanggungjawab diberikan kepercayaan penuh dalam urus tadbir berkenaan KTW dan siasatan terhadap aduan yang diterima; dan
i) Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana warga JKKP yang terlibat dengan perlakuan rasuah, salahguna kuasa atau penyelewengan, berlandaskan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasa.

**Ir. HAJI OMAR BIN MAT PIAH**
**Ketua Pengarah**
**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**
**Tarikh:** 10/09/2020

# BAB 02

Isu dan Cabaran

Senario Rasuah dan Salah Laku

Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko

Punca Rasuah dan Salah Laku

Bidang Keutamaan Yang Berisiko

## ISU DAN CABARAN

Warga JKKP sentiasa berdepan dengan cabaran dalam memastikan pihak-pihak yang berkenaan mematuhi peraturan yang digariskan dalam aspek KKP. Dalam menjalankan tugas seharian, warga JKKP terdedah dengan risiko dugaan dan godaan dalam pelbagai bentuk selain tekanan bebanan ekonomi dan sosial yang membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam perkhidmatan awam.

Selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, tiga (3) komponen utama yang diberi penekanan di dalam OACP JKKP ialah berkaitan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

**Tadbir Urus**

Perundangan (Akta), prosedur kerja atau tata amalan yang tidak lagi sesuai yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan dan wujud ruang untuk penyalahgunaan kuasa dan rasuah

**Integriti**

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas
- Kebocoran maklumat terperingkat
- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan

**Antirasuah**

- Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti semasa pelaksanaan tugas
- Wujud pakatan bersama pihak berkepentingan semasa pelaksanaan tugas

# KESAN-KESAN RASUAH KEPADA JABATAN :

- Mengancam keselamatan pekerja
- Meningkatkan risiko penyakit pekerjaan
- Kelemahan dalam merangka undang-undang dan penetapan standard melalui pembocoran maklumat terperingkat
- Membahayakan nyawa akibat penggunaan jentera yang tidak selamat
- Menjejaskan operasi dan penjanaan sumber industri jika berlaku bencana di tempat kerja
- Memberi kesan kepada penjanaan ekonomi negara sekiranya industri terjejas



## SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU

Tugas utama JKKP yang meliputi aktiviti penguatkuasaan dan pencegahan kemalangan serta penyakit pekerjaan melibatkan tindakan punitif seperti pendakwaan, kompaun dan notis. Ringkasan aktiviti adalah seperti berikut:

- Penguatkuasaan Berkesan KKP di Tempat Kerja
- Pemeriksaan Jentera Berperakuan Kelayakan
- Kelulusan Reka Bentuk Jentera Berperakuan Kelayakan
- Penguatkuasaan KKP di Sektor Industri Kecil dan Sederhana
- Penguatkuasaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerjaan
- Pemeriksaan/Audit Pepasangan Bahaya Besar
- Pemeriksaan/Audit Pepasangan Bukan Bahaya Besar
- Aktiviti Promosi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Penetapan Standard dan Polisi

Berdasarkan statistik dari tahun 2017 sehingga 2019, tiga aktiviti utama yang dijalankan ialah Pemeriksaan Jentera Berperakuan Kelayakan dengan purata sebanyak 235,309 aktiviti setahun, diikuti oleh Penguatkuasaan Berkesan KKP di Tempat Kerja dengan purata sebanyak 26,862 aktiviti setahun dan Kelulusan Reka Bentuk Jentera Berperakuan Kelayakan dengan purata sebanyak 17,945 aktiviti setahun.




*Carta 1: Purata Aktiviti Penguatkuasaan Untuk Tempoh 2017 hingga 2019*
*Sumber: Statistik Umum JKKP dan KPI, Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan*



Berdasarkan aktiviti-aktiviti utama di atas, Jabatan telah mengenal pasti dan membuat pengelasan aktiviti-aktiviti tersebut kepada tiga kategori bidang keutamaan yang mempunyai potensi risiko salah laku dan rasuah. Manakala, bagi aktiviti melibatkan tadbir urus Jabatan seperti pengurusan sumber manusia dan pengurusan kewangan dijadikan bidang keutamaan yang ke empat. Bidang keutamaan yang berpotensi risiko rasuah yang dikenal pasti:

1. Penguatkuasaan,
2. Kelulusan dan pengiktirafan;
3. Penetapan polisi dan standard; dan
4. Pentadbiran dan kewangan

**PECAHAN AKTIVITI MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN :**

| PENGUATKUASAAN | KELULUSAN DAN PENGIKTIRAFAN | PENETAPAN POLISI DAN STANDARD | PENTADBIRAN DAN KEWANGAN |
|---|---|---|---|
| Penguatkuasaan Berkesan KKP di Tempat Kerja | Kelulusan Reka bentuk Jentera Berperakuan Kelayakan | Perundangan | Pengurusan Sumber Manusia |
| Penguatkuasaan KKP di Sektor Industri Kecil dan Sederhana | Pemeriksaan/Audit Pepasangan Bahaya Besar | Pekeliling Ketua Perkhidmatan | Perolehan |
| Penguatkuasaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerjaan | Pemeriksaan/Audit Pepasangan Bukan Bahaya Besar | Perintah Khas Ketua Pemeriksa | |
| Pemeriksaan Jentera Berperakuan Kelayakan | | Garis Panduan/ Tata Amalan | |

*Sumber: Statistik Umum JKKP dan KPI, Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan*

OACP JKKP dibangunkan dengan turut merujuk kepada 4 senario utama yang telah ditetapkan di peringkat nasional yang meliputi senario kesinambungan, kekangan, perkembangan dan senario merudum seperti berikut:




**S1** Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Antirasuah, tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau mapan.

**S2** Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

**S3** Masa hadapan terhadap hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

**S4** Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekali gus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian



SENARIO > PENGUATKUASAAN > KELULUSAN DAN PENGIKTIRAFAN > PENETAPAN POLISI DAN STANDARD > PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

**S1** Penggunaan sistem berasaskan teknologi yang mempunyai jaringan keselamatan *(encrypted, firewall,* capaian dan perkongsian) bagi tujuan penguatkuasaan, analisis maklumat dan pengurusan sumber manusia dan perolehan

**S2** Perubahan kepimpinan yang menyebabkan tiada kesinambungan polisi yang telah dirangka

**S3** Pematuhan terhadap ABMS secara menyeluruh ke arah pemerkasaan integriti dan etika

**S4** Campur tangan daripada pihak berkepentingan dan tiada *check and balance* dalam melaksanakan fungsi dan tadbir urus Jabatan yang boleh menjurus kepada ketidakpatuhan prosedur dan peraturan

# ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

Pelbagai data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh Jabatan dalam tempoh 5 tahun ke hadapan. Data-data berkenaan berbentuk statistik tatatertib, pelaporan, naratif aduan dan maklumat ringkasan data seperti berikut:




Berdasarkan trend aduan rasuah dan salah laku berkaitan integriti terhadap warga JKKP yang diterima oleh Jabatan, penguatkuasaan dikenal pasti sebagai bidang yang paling berisiko menyumbang kepada peratusan aduan yang paling tinggi dengan purata sebanyak 52% berdasarkan tempoh lima tahun iaitu 2016 sehingga Oktober 2020 diikuti dengan pentadbiran dan kewangan dengan purata 32% dan seterusnya kelulusan dan pengiktirafan dengan purata sebanyak 16%. Manakala bagi aktiviti penetapan polisi dan standard tiada aduan yang diterima direkodkan namun ia mempunyai potensi rasuah dan integriti bagi mendapatkan maklumat berkaitan penetapan dasar dan polisi Jabatan sebelum diluluskan. Berdasarkan penilaian risiko yang dibuat, sekiranya kebocoran maklumat berlaku ia akan menjejaskan imej Jabatan dan memberi impak yang besar terhadap pelaksanaan dasar dan polisi Jabatan. Justeru, elemen tersebut diambil kira dalam pembangunan pelan tindakan Jabatan.

**PERATUS ADUAN MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN**




**Graf 1: Peratusan Aduan Diterima Mengikut Bidang Keutamaan Pada Tahun 2016 Hingga 2020**

***Sumber: Data Aduan JKKP 2016-Oktober 2020, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Unit Komunikasi Korporat***

Bagi kes-kes tatatertib, Jabatan telah mengenal pasti tiga komponen utama iaitu melibatkan rasuah, tadbir urus dan integriti. Elemen di bawah rasuah adalah berkaitan kes-kes yang diambil tindakan atas kesalahan rasuah yang melibatkan hukuman tahan kerja atau gantung tugas. Manakala elemen di bawah tadbir urus melibatkan kes-kes seperti tidak hadir bertugas, lewat hadir bertugas, keberhutangan yang serius serta penyalahgunaan dadah. Elemen di bawah integriti pula adalah seperti kesalahan pindaan cuti sakit, menggunakan kenderaan Jabatan untuk tujuan peribadi dan membuat tuntutan palsu.

**PERATUS KES TATATERTIB MENGIKUT KOMPONEN UTAMA**




Graf 2: Peratusan Kes Tatatertib Mengikut Komponen Utama Pada Tahun 2016 Hingga 2020

***Sumber: Data Kes Tatatertib JKKP 2016-Oktober 2020, Bahagian Khidmat Pengurusan***

Berdasarkan data tatatertib dari tahun 2016 hingga Oktober 2020, kebanyakan permasalahan berkaitan tadbir urus dan salah laku integriti didorong oleh kurangnya pemantauan dan ketelusan dalam melaksanakan tugas. JKKP perlu mengorak langkah meningkatkan usaha untuk memperkasa dan membudayakan integriti dan tadbir urus yang baik bagi memastikan bahawa warga Jabatan terdiri daripada penjawat awam yang berintegriti dan bebas rasuah.



**ANTARA ISU UTAMA YANG DIHADAPI OLEH JABATAN DALAM MEMERANGI RASUAH IALAH:**

- Kelemahan penghayatan dan pengamalan etika dalam kalangan warga Jabatan
- Tahap pematuhan undang-undang dan prosedur yang rendah
- Kesukaran mengesan perlakuan, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa
- Penggunaan teknologi yang terhad dalam melaksanakan tugas
- Persepsi negatif oleh orang awam
- Keperluan memantapkan sistem perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan dalaman, pelanggan luaran serta pihak berkepentingan

## PUNCA RASUAH DAN SALAH LAKU:

Berdasarkan punca-punca rasuah yang dikenal pasti melalui sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dan kajian terhadap CRM didapati sebanyak 12 punca utama yang menyumbang kepada perlakuan rasuah dan salah laku integriti di JKKP. Dalam menentukan keutamaan pelan tindakan OACP, punca-punca utama permasalahan rasuah ini akan diguna pakai bagi menangani dan mengekang masalah rasuah di dalam JKKP.

## PUNCA-PUNCA RASUAH DAN SALAH LAKU






## BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO

Penilaian risiko melalui kaedah CRM telah mengenal pasti 24 risiko rasuah berhubung aktiviti yang cenderung kepada perlakuan rasuah dan salah laku seperti kelemahan penguatkuasaan, kelemahan dan ketidakpatuhan dalam tadbir urus, ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dan etika dalam pelaksanaan tugas. Kaedah CRM juga telah mengesyorkan langkah penyelesaian yang bersesuaian sepertimana yang telah digariskan dalam pelan ini.

Tiga bidang keutamaan telah dikenal pasti berdasarkan aktiviti utama Jabatan iaitu penguatkuasaan, kelulusan dan pengiktirafan, serta penetapan polisi dan standard. Manakala bagi aktiviti pentadbiran dan kewangan yang meliputi hal-hal pengurusan sumber manusia dan kewangan Jabatan turut dijadikan sebagai bidang keutamaan yang keempat.

### 4 BIDANG KEUTAMAAN OACP JKKP



## PENGUATKUASAAN

Aktiviti penguatkuasaan Jabatan bertujuan memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja dan juga untuk melindungi orang lain daripada bahaya yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan, yang diliputi di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) dan Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 (Akta 302). Butiran aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh JKKP adalah:

- Pendaftaran dan pemeriksaan kilang dan jentera seperti Dandang Stim, Bejana Tekanan Tak Berapi, Mesin Angkat, Lif dan Eskalator untuk mengeluarkan kebenaran memasang kilang dan jentera serta Sijil Perakuan Kelayakan.

- Menjalankan siasatan aduan, kemalangan dan penyakit pekerjaan untuk menyediakan laporan penyiasatan dan mengambil tindakan punitif sewajarnya.

## KELULUSAN DAN PENGIKTIRAFAN

- Pengiktirafan kompetensi dikeluarkan ke atas individu dan firma yang mempunyai kelayakan, pengalaman, kepakaran dan pengetahuan dalam bidang yang dikuat kuasakan oleh akta dan peraturan.

- **Memberi Persijilan Kepada Firma Yang Kompeten Iaitu:**
  - Pembuat Dandang Stim dan Bejana Tekanan Tidak Berapi
  - Pemasang Dandang Stim
  - Pembuat, Pembaikpulih dan Kelayakan Semula Silinder LPG
  - Pembuat Struktur Mesin Angkat
  - Pemasang, Penyelenggara dan Pemeriksa Lif, Eskalator dan *Dumbwaiter*
  - Pemasang, Penyelenggara dan Perombak Struktur Mesin Angkat
  - Kontraktor Petroleum

- **Memberi Persijilan Kepada Orang Yang Kompeten (OYK):**
  - Pengapit
  - Juruteknik Higien I
  - Juruteknik Higien II
  - Penaksir Risiko Bising
  - Penyelia Keselamatan Tapak Bina
  - Penguji Gas Bertauliah
  - Doktor Kesihatan Pekerjaan
  - Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
  - OYK *Major Hazard*
  - Penaksir Kualiti Udara Dalaman
  - OYK Lif
  - Orang Yang Bertanggungjawab

- **Memberi Kelulusan Dan Kebenaran Reka Bentuk Bagi Semua Jentera Berperakuan:**
  - Dandang Stim
  - Bejana Tekanan Tak Berapi
  - Mesin Angkat
  - Lif, Eskalator dan *Dumbwaiter*

- **Memberi Kelulusan Dan Kebenaran Reka Bentuk Talian Paip:**
  - *Permit to Install*
  - *Permit to Operate*

- **Memberi Kelulusan Dan Kebenaran:**
  - Kelengkapan Pelindung Diri
  - Pusat Pengujian Audiometrik
  - Pembagasan Pasir
  - Ujian Hidrostatik Dandang dan Bejana Tekanan

- **Memberi Persijilan Kepada Pusat Pengajar Yang Kompeten Bagi:**
    - Pengendalian Latihan Bekerja Selamat Dalam Ruang Terkurung
    - Operator Kren
    - Pegawai Keselamatan dan Kesihatan
    - Pengendali Perancah
    - Penyelia Keselamatan Tapak Bina
    - Peraturan Class 2013
    - Pengapit CHRA
    - Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

### PENETAPAN POLISI DAN STANDARD

- Menggubal Akta, Peraturan-Peraturan, Perintah, Tata Amalan Industri dan Garis Panduan.

### PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Pengurusan dan pentadbiran aktiviti pengurusan sumber manusia, perolehan dan kewangan berpandukan kepada sistem peraturan, amalan dan proses kerja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui dasar dan pekeliling yang berkuat kuasa. Hasil yang diterima melalui Jabatan perlu diuruskan dengan teratur berdasarkan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan supaya tidak terdedah kepada rasuah, salah guna kuasa dan penyelewangan demi melindungi kepentingan awam. Selain itu, pengurusan sumber manusia seperti hal ehwal kenaikan pangkat, pertukaran dan modal insan perlu ditangani dengan sebaiknya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa.





# BAB 03

**Keperluan Pembangunan**

**Kerangka OACP**

**Huraian Kerangka**

**Matlamat**

**Strategi dan Objektif Strategik**

**Analisis Kuadran**

## KEPERLUAN PEMBANGUNAN

JKKP menyedari bahawa isu rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan salah laku integriti dalam Jabatan perlu ditangani dengan serius. Pengabaian masalah rasuah, tadbir urus dan integriti bukan sahaja boleh menjejaskan imej Jabatan malah boleh menimbulkan risiko-risiko berkaitan aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja. Cara kerja atau operasi jentera yang tidak menepati standard boleh mengakibatkan kemusnahan harta benda, kecederaan, penyakit pekerjaan malah kematian pekerja.

Menyedari pentingnya isu rasuah, tadbir urus dan integriti serta kesannya kepada aspek KKP di Malaysia, Jabatan menetapkan perancangan dan perlaksanaan yang berstruktur bagi memastikan visi untuk menjadi peneraju KKP yang berintegriti dapat direalisasikan seiring dengan inspirasi negara.

JKKP menetapkan empat strategi utama bagi menangani risiko rasuah, tadbir urus dan integriti melibatkan aktiviti-aktiviti teras Jabatan.

Strategi ini didukung dengan Dasar Antirasuah Jabatan dan diperkukuhkan melalui tadbir urus Sistem Pengurusan Antirasuah atau *Anti Bribery Management System* (MS ISO 37001:2016) ABMS sejajar dengan kehendak Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.

## 4 STRATEGI UTAMA OACP




Melalui pelaksanaan semua strategi berkenaan, JKKP yakin dapat meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti sekali gus melonjakkan imej Jabatan. OACP ini akan menghasilkan sebuah kerangka yang inklusif, kebersamaan menjayakan setiap agenda yang dibentuk bersama komitmen yang penuh di kalangan warga JKKP dalam menangani isu rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan salah laku.



## KERANGKA PELAN ANTIRASUAH (OACP) JKKP

| VISI | MENJADI PENERAJU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN YANG BERINTEGRITI | | |
|---|---|---|---|
| MISI | Memantapkan Kecekapan, Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Penyampaian Perkhidmatan Jabatan | Memperkukuhkan Integriti dan Memupuk Budaya Nilai Murni Di Kalangan Warga JKKP | Mendaulat Undang – Undang Pencegahan Rasuah |
| MATLAMAT | Membanteras Segala Bentuk Rasuah, Penyalahgunaan Kuasa dan Penyelewengan | Meningkatkan Tahap Keyakinan Orang Awam Berkaitan Perkhidmatan Jabatan | Penambahbaikan Berterusan Pengurusan Antirasuah Jabatan |

| BIDANG KEUTAMAAN | Penguatkuasaan | Kelulusan dan Pengiktirafan | Penetapan Polisi dan Standard | Pentadbiran dan Kewangan |
|---|---|---|---|---|
| STRATEGI | Memantapkan Integriti dan Keberkesanan Penguatkuasaan | Memperkasakan Integriti dan Menambah baik Kelulusan dan Pengiktirafan | Memperkasakan Integriti dan Menambah baik Tadbir Urus Pembangunan Dasar dan Perundangan | Meningkatkan Keberkesanan Khidmat Pengurusan Secara Menyeluruh |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1 | Menambah baik Kecekapan dan Ketelusan Penguatkuasaan | Meningkatkan Kecekapan Pelaksanaan Proses Kerja Kelulusan dan Pengiktirafan | Meningkatkan Kecekapan Proses Kerja dan Kerahsiaan Maklumat | Memperkukuhkan Tadbir Urus dan Pemantapan Integriti |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2 | Keberkesanan Penggunaan Teknologi Tinggi Bagi Meningkatkan Penguatkuasaan | Pemantapan Pemantauan Penyeliaan Kelulusan dan Pengiktirafan | Menaik taraf Infrastruktur Untuk Meningkatkan Tahap Kerahsiaan Maklumat | Memantapkan Nilai Murni dan Meningkatkan Kompetensi Warga JKKP |

4 BIDANG KEUTAMAAN

4 STRATEGI

8 OBJEKTIF STRATEGIK

35 PELAN TINDAKAN/ INISIATIF

19 JANGKA PENDEK (JAN-2020 –DIS 2020)

4 JANGKA SEDERHANA (JAN 2020-DIS 2022)

12 JANGKA PANJANG (JAN 2020-DIS 2024)



## HURAIAN KERANGKA

**VISI - Menjadi Peneraju Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Berintegriti**

JKKP merupakan agensi peneraju dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Peranan JKKP sebagai penguatkuasa undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan amat penting bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja adalah terjamin.

Bagi membentuk warga JKKP berintegriti, OACP JKKP telah dirangka selaras dengan Visi dan Misi JKKP itu sendiri.

Visi OACP ini diyakini dapat dicapai sekaligus warga industri dapat menghargai perkhidmatan yang disampaikan oleh JKKP.

**MISI – 1. Memantapkan Kecekapan, Ketelusan dan Akauntabiliti Dalam Penyampaian Perkhidmatan Jabatan**

JKKP memastikan perkhidmatannya dalam penguatkuasaan KKP dapat dilaksanakan secara telus dan berkesan. Oleh yang demikian, tiada ruang penyelewengan, salah guna kuasa, salah laku integriti dan rasuah di kalangan warga JKKP sekali gus menerapkan amalan terbaik dalam setiap proses penyampaian perkhidmatannya.

**MISI - 2. Memperkukuhkan Integriti dan Memupuk Budaya Nilai Murni Di Kalangan Warga JKKP**

JKKP memperkukuhkan integriti dan memupuk budaya nilai murni serta moral di kalangan warganya bagi mencegah gejala negatif yang boleh menjejaskan imej Jabatan serta mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warga yang melanggar peraturan dan undang-undang.

**MISI - 3. Mendaulat Undang – Undang Pencegahan Rasuah**

JKKP komited mendokong undang-undang pencegahan rasuah dan menggalakkan budaya melaporkan rasuah di kalangan warganya bagi mewujudkan kesedaran terhadap kesan pelanggaran perundangan berkaitan rasuah.

## MATLAMAT

- **Membanteras Segala Bentuk Rasuah, Penyalahgunaan Kuasa dan Penyelewengan**
  - JKKP akan membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan di kalangan warga JKKP dengan meningkatkan kompetensi melalui aktiviti / program / latihan berkaitan pencegahan rasuah.

- **Meningkatkan Tahap Keyakinan Orang Awam Berkaitan Perkhidmatan Jabatan**
  - JKKP menyediakan saluran bagi aduan kelakuan tidak wajar warga JKKP, dikendalikan dengan berkesan, mesra pengguna dan menjamin kerahsiaan maklumat pengadu bagi meningkatkan tahap keyakinan orang awam untuk melaporkan aduan integriti.

- **Penambahbaikan Berterusan Pengurusan Antirasuah Jabatan**
  - JKKP memastikan Sistem Pengurusan Antirasuah atau *Anti Bribery Management System* (MS ISO 37001:2016) dilaksana dan ditambahbaik secara berterusan.



## STRATEGI DAN OBJEKTIF STRATEGIK

| STRATEGI: Memantapkan Integriti dan Keberkesanan Penguatkuasaan | |
|---|---|
| OBJEKTIF STRATEGIK 1<br>Menambahbaik Kecekapan dan Ketelusan Penguatkuasaan | Mempunyai 6 pelan tindakan yang berteraskan kepada pemantapan proses kerja, pembangunan kapasiti dan peningkatan kefahaman pegawai |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2<br>Keberkesanan Penggunaan Teknologi Tinggi Bagi Meningkatkan Penguatkuasaan | Mempunyai 2 pelan tindakan yang berteraskan peluasan penggunaan aplikasi dan teknologi canggih dalam penguatkuasaan |

| STRATEGI: Memperkasakan Integriti dan Menambahbaik Kelulusan dan Pengiktirafan | |
|---|---|
| OBJEKTIF STRATEGIK 1<br>Meningkatkan Kecekapan Pelaksanaan Proses Kerja Kelulusan dan Pengiktirafan | Mempunyai 5 pelan tindakan yang berteraskan kepada penggunaan sistem dan panduan kepada proses kerja yang lebih telus |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2<br>Pemantapan Pemantauan Penyeliaan Kelulusan dan Pengiktirafan | Mempunyai 1 pelan tindakan yang berteraskan penambahbaikan prosedur kerja bagi memantapkan penyeliaan |

### STRATEGI: Memperkasakan Integriti dan Menambahbaik Tadbir Urus Pembangunan Dasar dan Perundangan

| | |
|---|---|
| OBJEKTIF STRATEGIK 1<br>Meningkatkan Kecekapan Proses Kerja dan Kerahsiaan Maklumat | Mempunyai 1 pelan tindakan yang berteraskan kepada pemantapan integriti dalam penggubalan piawaian perundangan |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2<br>Menaik taraf Infrastuktur Untuk Meningkatkan Tahap Kerahsiaan Maklumat | Mempunyai 2 pelan tindakan yang berteraskan kepada kawalan dokumen melalui infrastruktur dan teknologi |

### STRATEGI: Meningkatkan Keberkesanan Khidmat Pengurusan Secara Menyeluruh

| | |
|---|---|
| OBJEKTIF STRATEGIK 1<br>Memperkukuhkan Tadbir Urus dan Pemantapan Integriti | Mempunyai 12 pelan tindakan yang berteraskan kepada kesedaran dan pembudayaan integriti di kalangan pegawai |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2<br>Memantapkan Nilai Murni dan Meningkatkan Kompetensi Warga JKKP | Mempunyai 6 pelan tindakan yang berteraskan kepada pembangunan modal insan dan kecekapan pegawai |



## ANALISIS KUADRAN

Analisis kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 35 inisiatif pelan tindakan berdasarkan analisis kumpulan data yang telah diperolehi daripada pelbagai sumber merangkumi semua 4 bidang keutamaan yang dikenal pasti . 35 inisiatif ini ditentukan berdasarkan tahap impak dan kompleksiti perlaksanaannya. 11 inisiatif dalam kelompok kuadran A, iaitu inisiatif yang mempunyai impak tinggi dan kompleksiti rendah. Inisiatif ini mampu dilaksanakan dalam tempoh yang lebih pendek dan sederhana tetapi mampu memberikan impak yang besar kepada Jabatan. Manakala 24 inisiatif pula berada dalam kelompok kuadran B, iaitu inisiatif yang mempunyai impak dan kompleksiti tinggi yang perlu dilaksanakan dalam tempoh yang panjang dan secara berterusan untuk memperolehi impak yang tinggi.

### KUADRAN



# BAB 04

## PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN
STRATEGI 1: MEMANTAPKAN INTEGRITI DAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN

**OBJEKTIF STRATEGIK 1: MENAMBAH BAIK KECEKAPAN DAN KETELUSAN PENGUATKUASAAN**

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 1 | Memperkasakan penguatkuasaan kilang dan jentera melalui program pembangunan kapasiti pegawai secara berterusan | Bahagian Pembangunan Modal Insan<br><br>Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Disember 2024 |
| 2 | Memantapkan proses kerja siasatan aduan dan insiden (PK-04) dengan memasukkan elemen kaedah pemantauan penyelia dalam membuat keputusan penyiasatan dan perakuan konflik kepentingan (COI) | Bahagian Kejuruteraan Forensik<br><br>Seksyen Siasatan dan Pendakwaan, JKKP Negeri & Cawangan<br><br>PIC PK | Januari 2021 - Disember 2021 |
| 3 | Memantapkan pelaksanaan penguatkuasaan kilang dan jentera melalui naziran dan audit silang | Bahagian/Negeri/Cawangan | Januari 2020 - Disember 2024 |
| 4 | Memastikan semua tindakan punitif yang diambil adalah seragam di kalangan kakitangan melalui:<br>• Pelaksanakan kursus Enforcement Uniformity Model dan Pengurusan Notis<br>• Menguatkuasakan Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 3/2020 – Mekanisme Perlaksanaan Bagi Penguatkuasaan Berkesan (Tindakan Punitif) | Bahagian Pembangunan Modal Insan<br><br>Bahagian/Negeri/Cawangan | Januari 2021 - Disember 2022 |
| 5 | Meningkatkan pemahaman berkaitan Prosedur Kerja aktiviti penguatkuasaan secara berterusan dan konsisten | Sekretriat SPQKKP dan ABMS<br><br>Bahagian Pembangunan Modal Insan<br><br>Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan<br><br>Bahagian/Negeri/Cawangan | Januari 2020 - Disember 2024 |
| 6 | Melaksanakan Pemeriksaan Kren Bergerak Secara Berpasukan *(Buddy System)* | Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan<br><br>Sekretariat SPQKKP dan ABMS<br><br>Bahagian Keselamatan Tapak Bina<br><br>Negeri/Cawangan | Januari 2020 - Disember 2022 |

OBJEKTIF STRATEGIK 2: KEBERKESANAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI TINGGI BAGI MENINGKATKAN PENGUATKUASAAN

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 7 | Memperluaskan aplikasi penggunaan teknologi dan peralatan yang lebih canggih seperti *drone, body camera* semasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan | Bahagian Keselamatan Tapak Bina Negeri/Cawangan | Januari 2020 - Disember 2024 |
| 8 | Menaik taraf kemudahan dalam talian dan teknologi terkini MyKKP dan membangunkan *mobile application* MyKKP bagi permohonan pendaftaran dan pemeriksaan kilang dan jentera | Bahagian Keselamatan Industri<br>Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Disember 2024 |

## BIDANG KEUTAMAAN: KELULUSAN DAN PENGIKTIRAFAN
## STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN INTEGRITI DAN MENAMBAH BAIK SISTEM KELULUSAN DAN PENGIKTIRAFAN

OBJEKTIF STRATEGIK 1: MENINGKATKAN KECEKAPAN PELAKSANAAN PROSES KERJA KELULUSAN DAN PENGIKTIRAFAN

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 9 | Penggunaan sistem MySKUD yang menyeluruh untuk semua proses kelulusan | Bahagian Keselamatan Industri<br>Bahagian Keselamatan Petroleum | Januari 2020 - Disember 2022 |
| 10 | Mewujudkan panduan pengurusan pengesanan dokumen palsu | Bahagian Keselamatan Industri<br>Bahagian Keselamatan Petroleum | Januari 2020 - Disember 2022 |
| 11 | Mewujudkan kriteria pengagihan permohonan | Bahagian Keselamatan Industri<br>Bahagian Keselamatan Petroleum | Januari 2020 - Disember 2022 |
| 12 | Jalinan kerjasama strategik dengan agensi bagi aktiviti kelulusan dokumen | Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan<br>Bahagian Keselamatan Industri<br>Bahagian Keselamatan Petroleum | Januari 2020 - Disember 2024 |
| 13 | Menguatkuasakan PK 27 melalui Penggunaan borang Perakuan Konflik Kepentingan (COI) | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2020 - Disember 2020 |

OBJEKTIF STRATEGIK 2: PEMANTAPAN PEMANTAUAN PENYELIAAN KELULUSAN DAN PENGIKTIRAFAN

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 14 | Menambah baik Prosedur Kerja berkaitan pemantauan penyelia bagi aktiviti kelulusan dan pengiktirafan | Bahagian Keselamatan Industri<br>Bahagian Keselamatan Petroleum<br>PIC PK<br>Sekretariat SPQKKP dan ABMS | Januari 2021 - Disember 2024 |

## BIDANG KEUTAMAAN: PENETAPAN POLISI DAN STANDARD
## STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN INTEGRITI DAN MENAMBAHBAIK TADBIR URUS PEMBANGUNAN DASAR DAN PERUNDANGAN

OBJEKTIF STRATEGIK 1: MENINGKATKAN KECEKAPAN PROSES KERJA DAN KERAHSIAAN MAKLUMAT

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 15 | Memastikan semua ahli Jawatankuasa Penggubalan Piawaian Perundangan JKKP menandatangani Perakuan Untuk Ditandatangani Oleh Pegawai Awam Berkaitan Dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) | Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan | Januari 2020 - Disember 2024 |

OBJEKTIF STRATEGIK 2: MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR UNTUK MENINGKATKAN TAHAP KERAHSIAAN MAKLUMAT

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 16 | Menaik taraf infrastruktur bagi aktiviti pembangunan dasar dan perundangan seperti komputer, pengimbas, perincih, mesin penyalin dan lain-lain | Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan<br>Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Disember 2024 |
| 17 | Kawalan penggunaan dan jaringan maklumat *(encrypted, firewall,* capaian dan perkongsian*)* | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Disember 2024 |

BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
STRATEGI 1: MENINGKATKAN KEBERKESANAN KHIDMAT PENGURUSAN SECARA MENYELURUH

OBJEKTIF STRATEGIK1: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS DAN PEMANTAPAN INTEGRITI

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 18 | Membangunkan *Anti Bribery Management System* (ABMS) dan mendapat pensijilan | Sekretariat SPQKKP dan ABMS | Januari 2020 - Disember 2020 |
| 19 | Menghebahkan saluran untuk membuat aduan berkaitan kelakuan tidak wajar (rasuah, integriti, salah guna kuasa) | Bahagian Khidmat Pengurusan<br>Sekretariat SPQKKP dan ABMS | Januari 2020 - Disember 2024 |
| 20 | Melaksanakan program atau informasi kesedaran Integriti dan nilai-nilai murni | Bahagian Khidmat Pengurusan<br>Bahagian Pembangunan Modal Insan | Januari 2020 - Disember 2024 |
| 21 | Mewujudkan Unit Integriti | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2020 - Disember 2021 |
| 22 | Menyediakan kit pengurusan kepada pegawai lantikan baharu yang mengandungi prosedur ABMS dan kod etika KSM/JKKP | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Disember 2021 |
| 23 | Melaksanakan pusingan kerja dan mewujudkan polisi pertukaran antara seksyen bagi pegawai teknikal | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2022 - Disember 2024 |
| 24 | Melantik PIC ABMS dan Integriti | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Jun 2021 |



OBJEKTIF STRATEGIK1: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS DAN PEMANTAPAN INTEGRITI

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 25 | Melaksanakan naziran/ pemantauan secara berkala | Bahagian/Negeri/Cawangan | Januari 2021 - Disember 2024 |
| 26 | Membangunkan sistem permohonan pertukaran secara dalam talian | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Disember 2023 |
| 27 | Mewujudkan modul profiling pegawai | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2022 - Disember 2024 |
| 28 | Pemantauan berterusan terhadap dasar baharu yang akan dikeluarkan oleh Agensi Pusat seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam | Bahagian Khidmat Pengurusan | Januari 2021 - Disember 2024 |
| 29 | Melaksanakan program dan aktiviti kesedaran dan pencegahan dadah | Bahagian Kesihatan Pekerjaan | Januari 2020 - Disember 2024 |

OBJEKTIF STRATEGIK 2: MEMANTAPKAN NILAI MURNI DAN MENINGKATKAN KOMPETENSI WARGA JKKP

| BIL | PELAN TINDAKAN/ INISIATIF | PENERAJU/PELAKSANA | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 30 | Mewajibkan kursus pengurusan kewangan kepada pegawai menguruskan kewangan | Bahagian Khidmat Pengurusan<br>Bahagian Pembangunan Modal Insan | Januari 2021 - Disember 2024 |
| 31 | Mewajibkan kursus perolehan kepada pegawai khidmat pengurusan dan teknikal yang terlibat dengan urusan perolehan | Bahagian Khidmat Pengurusan<br>Bahagian Pembangunan Modal Insan | Januari 2021 - Disember 2024 |
| 32 | Melaksanakan kursus kesedaran Integriti, antirasuah dan nilai-nilai murni | Bahagian Khidmat Pengurusan<br>Bahagian Pembangunan Modal Insan | Januari 2021 - Disember 2024 |
| 33 | Slot Integriti dalam Kursus Induksi Pegawai-pegawai baru | Bahagian Khidmat Pengurusan<br>Bahagian Pembangunan Modal Insan | Januari 2021 - Disember 2024 |
| 34 | Mewujudkan *"Integrity Moment"* | Bahagian/Negeri/Cawangan | Januari 2021- Disember 2024 |
| 35 | Melaksanakan kursus/latihan kepada warga JKKP berhubung pengurusan Rahsia Rasmi Kerajaan dan pematuhan Arahan Keselamatan | Bahagian Khidmat Pengurusan<br>Bahagian Pembangunan Modal Insan | Januari 2021 - Disember 2024 |

# BAB 05

## TADBIR URUS OACP

## TADBIR URUS OACP

### Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan

Pelaksanaan OACP JKKP hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama antara pihak Pengurusan Tertinggi, warga JKKP, pelanggan dan pihak berkepentingan *(stakeholder)*. Pemantauan memainkan peranan penting agar usaha memerangi rasuah mendapat komitmen daripada semua peringkat dengan penekanan terhadap ketelusan, sikap bertanggungjawab dan integriti untuk mencapai keberhasilan seperti yang dirancang. Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan OACP berjalan dengan teratur dan lancar, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JKKP telah diwujudkan. Jawatankuasa ini bertindak sebagai penyelaras utama dalam menggerak, memantau dan menilai Pelan OACP berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang telah ditetapkan di samping pemantauan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR). Pelaporan inisiatif-inisiatif OACP akan disalurkan melalui *Person In Charge* atau PIC yang dilantik daripada setiap bahagian dan pejabat negeri. PIC perlu membuat pelaporan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP JKKP secara berkala untuk memastikan semua program dan aktiviti yang dikenal pasti dilaksanakan mengikut perancangan.

Laporan pencapaian Pelaksanaan OACP akan dibentangkan dalam Mesyuarat JAR peringkat Jabatan yang akan diadakan sebanyak 3 kali setahun.

# Struktur Tadbir Urus Pelan OACP JKKP 2020 – 2024

**Jawatankuasa Pelaksanaan & Pemantauan (Pengerusi: Timbalan Ketua Pengarah)**

Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Tindakan

Mendapatkan laporan dan penjelasan daripada pelaksana inisiatif melalui PIC yang dilantik

Menyediakan laporan ringkas dan memperaku laporan prestasi untuk dikemukakan kepada JAR Jabatan

**Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JKKP (Pengerusi: Ketua Pengarah JKKP)**

Menilai dan memantau prestasi pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Tindakan OACP daripada setiap Bahagian/ negeri yang berkaitan

Memperaku isu & laporan untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian jika diperlukan

**Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian (Pengerusi: Ketua Setiausaha)**

Menerima Laporan prestasi OACP daripada JKKP (tertakluk kepada arahan dan agenda JAR Kementerian)



**MEKANISMA PELAPORAN**

- Setiap bahagian / negeri melantik PIC masing-masing
- PIC memantau dan mengumpul pelaporan inisiatif berdasarkan Pelan Tindakan
- PIC mengemukakan laporan inisiatif kepada Sekretariat Jawatankuasa Pelaksanaan & Pemantauan secara berkala sebanyak 3 kali setahun
- Sekretariat Jawatankuasa Pelaksanaan & Pemantauan mendapatkan laporan daripada PIC

**MEKANISMA PEMANTAUAN**

- Sekretariat Jawatankuasa Pelaksanaan & Pemantauan mendapatkan laporan daripada PIC
- Sektretariat menganalisa laporan berdasarkan prestasi sebenar dengan sasaran
- Mendapatkan penjelasan dan permasalahan yang dihadapi oleh pelaksana
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif

**MEKANISMA PENILAIAN**

- Mengenal pasti impak pelaksanaan inisiatif melalui kekuatan dan kelemahan setiap inisiatif
- Menilai sama ada pelaksanaan inisitiatif menyokong kepada strategi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang
- Penilaian prestasi inisiatif akan dinilai pada setiap hujung tahun

## Penilaian Prestasi Inisiatif

Penilaian prestasi inisiatif bagi setiap pelan tindakan yang digariskan hendaklah dibuat bagi memastikan peratus pelaksanaan dan pencapaian adalah mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Prestasi keseluruhan inisiatif dalam pelan tindakan akan mengambil kira perkara berikut:

**Meminimumkan salah laku yang melibatkan integriti dan rasuah dalam kalangan warga JKKP**

Statistik kes-kes tatatertib dan salah laku yang melibatkan warga JKKP berkurangan

Bilangan aduan yang diterima melalui saluran Biro Pengaduan Awam/ *Whistleblower* berkurangan

Teguran Ketua Audit Negara mengenai JKKP menurun

**Meningkatkan kesedaran pegawai bagi melaporkan kesalahan rasuah dan salah laku**

Kefahaman pegawai pada *Corruption Risk Management* (CRM) berkaitan bidang tugas yang terdedah kepada risiko rasuah

Pengurangan kes-kes yang melibatkan warga JKKP yang disiasat dan didakwa di Mahkamah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Meningkatkan kesedaran pegawai untuk segera melaporkan kesalahan rasuah dan salah laku oleh warga JKKP



**Meningkatkan keyakinan dan kesedaran awam berhubung penyampaian perkhidmatan JKKP**

Meningkatkan keyakinan pelanggan dan pemegang taruh JKKP melalui soal selidik yang dijalankan

Meningkatkan kesedaran pelanggan dan pemegang taruh JKKP bagi melaporkan kes-kes salah laku dan rasuah melalui saluran *whistleblower*

**Semakan Dan Pembaharuan OACP**

Penilaian pelaksanaan bagi setiap inisiatif OACP akan dinilai setiap hujung tahun sekali tertakluk kepada keupayaan pelaksanaan inisiatif pelan tindakan tersebut. Pelaksana boleh menyampaikan sebarang permasalahan, kekangan mahupun penambahbaikan bagi tujuan penilaian semula semasa pelaporan JAR yang dijalankan setiap 3 kali setahun setelah dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Pelaksanaan & Pemantauan OACP JKKP

Impak pelaksanaan OACP dapat diukur dengan melakukan penilaian dan semakan semula terhadap inisiatif yang ditawarkan

Tindakan pembaharuan OACP perlu dilaksanakan pada akhir tahun ke-4

Setiap visi dan misi OACP JKKP hendaklah berkesinambungan

# BAB 06

## KESIMPULAN DAN PENGHARGAAN

## KESIMPULAN DAN PENGHARGAAN

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 merupakan agenda Kerajaan untuk menyediakan satu pelan khusus dalam usaha memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Pembangunan OACP merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam di dalam NACP selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019.

NACP ini dijadikan asas dan panduan kepada JKKP dalam merangka dan membangunkan OACP JKKP bagi tempoh 5 tahun iaitu 2020 sehingga 2024. OACP JKKP merupakan salah satu iltizam dan komitmen pihak pengurusan tertinggi dan kesemua warga JKKP dalam berdepan dengan risiko rasuah dan salah laku dalam melaksanakan tugasan harian sebagai penjawat awam. Pelan ini juga dirangka selaras dengan Sistem Pengurusan Antirasuah atau *Anti Bribery Management System* (MS ISO 37001:2016) ABMS serta *Corruption Risk Management* Jabatan.

Dengan berpaksikan visi menjadi peneraju keselamatan dan kesihatan yang berintegriti, pelan ini mengandungi 4 misi utama JKKP dengan menyasarkan kesemua bidang keutamaan dikenal pasti iaitu kelulusan dan pengiktirafan, penguatkuasaan, penetapan polisi dan standard serta pentadbiran dan kewangan. Sebanyak 35 inisiatif dirangka dalam pelan tindakan meliputi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan pelaksanaan dibuat secara holistik dan memberi impak yang positif.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif dalam pelan tindakan adalah bergantung sepenuhnya kepada komitmen semua warga JKKP. Adalah diharapkan segala usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan dapat membudayakan etika kerja yang berintegriti dalam mendokong amanah yang dipertanggungjawabkan ke arah meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kewibawaan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)
2020 – 2024
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

### PENAUNG

IR. ZAILEE BIN DOLLAH
IR. HJ OMAR BIN MAT PIAH (MANTAN KETUA PENGARAH)

### PENASIHAT

IR. ZAILEE BIN DOLLAH

## AHLI-AHLI BENGKEL PEMBANGUNAN OACP

| | |
|---|---|
| NOR ERNAHILDA BINTI MOHD REDUAN | NORHAFIZAH BINTI RAHMAN |
| HABSAH BINTI MD ISHAK | MOHD SYAFIQ BIN JAHAYA |
| MOHD HAZLIM BIN HUSAIN | MOHD HAFIZULLAH BIN HARUN |
| NORAITA BINTI TAHIR | SUFIAH BINTI MOHAMAD YAHYA |
| HAJJAH NOOR AZURAH BINTI HAJI ABD RAHMAN | MOHD EFFENDI BIN ABD GHANI |
| WAN NUR KHAFIZAH BINTI WAN ABDULLAH | NUR AFNI BINTI ADAM |
| IR. HAMSAIN BIN BANIAMIN | MUHAMMAD IKHWAN BIN HUSSIN |
| HANI HALIMAHTUN BINTI OTHMAN | NORA FITRIAH BINTI MOHD MATRUDIN |
| HAJI MOHD NIZAM BIN HAJI ABD. RAHMAN | NORFATIHA BINTI ABD RAHMAN |

## TASKFORCE ABMS (CRM)

| | |
|---|---|
| HABSAH BINTI MD ISHAK | NORHAFIZAH BINTI RAHMAN |
| HAJI AZMAN BIN HUSSAIN | MOHD HAFIZULLAH BIN HARUN |
| HAJJAH NOOR AZURAH BINTI HAJI ABD RAHMAN | SUFIAH BINTI MOHAMAD YAHYA |
| HANI HALIMAHTUN BINTI OTHMAN | MOHD EFFENDI BIN ABD GHANI |
| HAJI MOHD NIZAM BIN HAJI ABD. RAHMAN | AZLAN BIN BAHAR |
| MOHD AMIRUL NIZAM BIN MOHAMED THARI | NUR AFNI BINTI ADAM |
| ZULHISHAM BIN DZULKIFLIE | MUHAMMAD IKHWAN BIN HUSSIN |



## BENGKEL PEMBANGUNAN OACP JKKP 8-11 SEPTEMBER 2020











## BENGKEL PEMBANGUNAN OACP JKKP 11-12 OGOS 2020













## AKTIVITI PENGUATKUASAAN JKKP


Pemonitoran Tegasan Haba


Penaksiran Pendedahan Bising


Siasatan Kemalangan (Pelepasan Bahan Toksik)


Penguatkuasaan Penggunaan Bahan Kimia Berbahaya


Siasatan Kemalangan (Ruang Terkurung)


Penaksiran Risiko Ergonomik


Penguatkuasaan Penggunaan Bahan Kimia Berbahaya


Kesihatan Pekerjaan


Pengujian Local Exhaust Ventilation (LEV)

# AKTIVITI PENGUATKUASAAN JKKP



Pemeriksaan Eskalator



Pemeriksaan Lif Penumpang



Pemeriksaan Dandang Stim



Pemeriksaan Kren Menara



Pemeriksaan Bejana Tekanan Tak Berapi



Audit KKP di Tempat Kerja



Pemeriksaan Kren Menara



Pemeriksaan Kren Menara



Pemeriksaan Tapak Bina

Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
Aras 1,3,4 & 5, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA

